

ABSTRAK

Pengagihan dalam sistem pentadbiran dan pengurusan zakat merupakan penentu untuk kita mengukur sejauh mana keberkesanan objektif zakat. Di Kelantan, *asnaf fi sabilillah* merupakan *asnaf* yang paling dominan dalam penerimaan habuan zakat. Justeru disertasi ini cuba memfokuskan sejauhmanakah kewajaran yang diterima oleh *asnaf fi sabilillah* berdasarkan kepada apa yang diperuntukkan dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. Di samping itu disertasi ini juga akan meninjau secara lebih dekat lagi sistem pentadbiran zakat yang diamalkan oleh pihak Majlis dalam pengagihan zakat di kalangan *asnaf* dan *asnaf fi sabilillah* khususnya. Selain itu ia juga bertujuan untuk melihat perkembangan perundangan zakat di negeri Kelantan Darul Naim.

ABSTRACT

The distribution in management of Zakat is a main factor for us to measure an effective of Zakat objective. In Kelantan, the group or *asnaf* of *fi sabīlillāh* is a main *asnaf* in distribution of Zakat. Therefore the objective of dissertation is discuss whether a distribution of Zakat for *asnaf fi sabīlillāh* in particular conforms to the statute for The Enactment of Council's of Islamic Religion and Malay Custom of Kelantan, 1994. In addition, this dissertation also attempts to see the Council's policies in respect of Zakat distribution generally to all *asnaf* and specifically to *asnaf fi sabīlillāh*. Along with this the dissertation also surveys for development of legislation of Zakat in the state of Kelantan Darul Naim.